KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	KeTSA			

Tarif baharu elektrik akan diumum

Menteri jamin tidak bebankan rakyat

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Kerajaan memberi jaminan tarif elektrik baharu bagi tahun 2022 hingga 2024 tidak akan membebankan rakyat.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kerajaan sudah membuat keputusan berhubung penetapan tarif elektrik dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Ahli Parlimen Kota Bharu itu memberitahu, tarif tersebut bagaimanapun akan diumumkan oleh kerajaan dalam tempoh terdekat.

"Kerajaan juga mempertimbangkan keadaan negara yang kini berada dalam pandemik Covid-19 selain krisis ekonomi akibat pandemik," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada tujuh persatuan, badan bukan kerajaan (NGO) dan kelab di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kota Bharu pada Ahad.

Menurut beliau, terdapat lapan juta akaun tiga kategori pengguna elektrik di negara ini dan daripada jumlah itu sebanyak 85 peratus terdiri daripada akaun domestik atau pemegang akaun isi rumah.

Beliau turut memaklumkan akan ada beberapa pengubahsuaian membabitkan akaun komersial dan industri.

Sementara itu, beliau berkata, setakat ini pihaknya menerima laporan lebih 40,000 Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas banjir akan menerima manfaatkan rebat elektrik 100 peratus yang berikan oleh kerajaan bagi bulan Disember.



TAKIYUDDIN

Menurutnya, kerajaan kini dalam usaha menggalakkan orang ramai menggunakan peralatan elektrik yang bertaraf empat atau lima bintang untuk menjimatkan tenaga.

Beliau berkata, pengguna harus bijak memilih peralatan elektrik cekap tenaga yang mempunyai label empat atau lima bintang yang diberikan penarafan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

"Walaupun harga agak mahal sedikit, tetapi kerajaan menggalakkan penggunaan peralatan elektrik kategori ini (empat dan lima bintang) dengan memberikan rebat bernilai RM200 bagi setiap isi rumah.

"Setakat ini lebih 1,100 pekedai dan peruncit yang telah disenaraikan bagi menebus rebat ini termasuk barang elektrik yang tersenarai yang boleh dilawati menerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) Malaysia," katanya.

FOTO : BERNAMA



Sebanyak 85 peratus daripada lapan juta akaun pengguna elektrik di negara ini terdiri daripada akaun isi rumah.